

9 JAN 1996

Cuepacs - pendirian

CUEPACS BUAT PENDIRIAN ESOK BERHUBUNG PELARASAN GAJI

KUALA LUMPUR, 9 Januari (Bernama) -- Cuepacs akan mengambil satu pendirian esok berhubung keputusan kerajaan untuk membayar tunggakan serta pelarasan gaji kakitangan awam.

Presidennya Mohamad Mat Jid hari ini berkata pendirian tersebut akan mengambil kira pelbagai kemungkinan yang akan wujud jika pembayaran itu mengikuti cadangan pengagihan Cuepacs atau sebaliknya iaitu melibatkan perubahan yang mungkin dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

"Pendirian ini akan dibuat berdasarkan perbincangan perwakilan yang sedang menghadiri Konvensyen Cuepacs sekarang," katanya kepada pemberita di akhir hari pertama Konvensyen Cuepacs ke -20 di sini.

Mohamad berkata cadangan pengagihan Cuepacs yang diserahkan pada JPA adalah mewakili kepentingan semua kumpulan pekerja sektor awam dan jika terdapat perubahan oleh JPA, ini memerlukan Cuepacs membuat satu pendirian.

Katanya pendirian tersebut merupakan pendirian hampir 848,000 pekerja sektor awam yang diwakili oleh 900 perwakilan dari seluruh negara di konvensyen tiga hari itu.

Mohamad berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah memberi jaminan bahawa kerajaan akan membayar tunggakan serta penyelarasan gaji kakitangan awam sebelum hari raya ini.

Setiausaha Agung Cuepacs A.H. Ponniah menjelaskan bahawa segala keputusan Cuepacs merupakan keputusan sebulat suara Majlis Cuepacs yang mewakili kepentingan semua pekerja awam dan dengan itu tidak timbul soal adanya pemimpin yang radikal atau keras kepala.

"Jika majlis membuat keputusan, presiden dan pemegang jawatan lain akan menjalankannya...kalau itu yang dikatakan sebagai radikal, maka kesemua perwakilan yang mewakili pelbagai sektor awam yang ada di sini adalah radikal juga," katanya.

Ponniah berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Dr Mahathir di perasmian kongres itu hari ini bahawa ada satu dua pemimpin Cuepacs yang begitu keras yang tidak mahu mengiktiraf keadilan pihak kerajaan. --

BERNAMA